

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU

# **POLISI PELAWAT HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU**

**EDISI 1 / 2025**

**DISEDIAKAN OLEH:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMAS KINI: 19 OGOS 2025**

## **1.0 TUJUAN**

Polisi ini bertujuan bagi menetapkan garis panduan yang menyeluruh berkaitan tatacara dan peraturan lawatan pelawat ke atas pesakit yang sedang menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB). Ia dirangka untuk memastikan persekitaran hospital kekal selamat, sistematik dan profesional tanpa menjejaskan keperluan perubatan dan kesejahteraan pesakit.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Mengawal dan menyelia aktiviti lawatan pelawat ke hospital secara sistematik.
- 2.2 Menjamin keselamatan dan privasi pesakit sepanjang rawatan dijalankan.
- 2.3 Mencegah penyebaran jangkitan dan gangguan kepada operasi klinikal.
- 2.4 Memberi panduan kepada pelawat termasuk pelawat khas dalam mematuhi etika hospital.
- 2.5 Menyokong nilai hospital mesra pesakit yang berdisiplin dan terkawal.

## **3.0 SKOP**

Polisi ini diguna pakai kepada:

- 3.1 Semua pelawat termasuk kategori pelawat umum dan pelawat khas yang hadir untuk melawat pesakit.
- 3.2 Semua kategori wad termasuk wad am, wad rawatan khas.
- 3.3 Semua kawasan terhad (contohnya: bilik rawatan dan bilik pembedahan).

## **4.0 TERMA RUJUKAN**

### **4.1 Pelawat Umum**

Individu yang hadir ke hospital untuk melawat pesakit tanpa kapasiti rasmi.

### **4.2 Pelawat Khas**

Individu kenamaan, wakil rakyat, pegawai kerajaan atau mana-mana wakilnya yang hadir ke wad atas tugas rasmi.

### **4.3 Pas Lawatan**

Pas sementara yang dikeluarkan oleh pihak hospital kepada pelawat setelah pendaftaran.

### **4.4 Peneman / Penjaga Pesakit**

Waris atau individu yang diupah oleh pesakit dan telah mendapat kebenaran untuk menemani pesakit sepanjang keberadaan di wad.

### **4.5 Waktu Lawatan Rasmi**

Masa yang diperuntukkan secara rasmi oleh hospital untuk aktiviti lawatan.

### **4.6 Wad Am**

Wad yang menempatkan pesakit selain daripada Was Rawatan Khas dan wad isolasi.

### **4.7 Wad Rawatan Khas**

Wad Rawatan Khas meliputi Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU), Unit Rawatan Koronari (CCU), *Neurosurgery High Dependency Unit* (NHDU) dan *Special Care Nursery* (SCN).

## 5.0 WAKTU LAWATAN RASMI

### 5.1 Wad Am

#### Isnin - Ahad

- **Sesi 1:** 12.30 tengah hari – 2.00 petang
- **Sesi 2:** 4.30 petang – 7.00 malam

#### Hari Cuti Umum (*Perayaan Utama Keagamaan*)

- **Sesi 1:** 12.30 tengah hari - 7.00 malam

Bil.	Sambutan Hari Perayaan	Jumlah Hari
1	Hari Raya Aidilfitri	2
2	Hari Raya Aidiladha	1
3	Tahun Baharu Cina	2
4	Deepavali	1
5	Hari Natal	1
6	Hari Wesak	1

*\*Cuti Umum hanya melibatkan pada tarikh rasmi sambutan perayaan sahaja. Tidak termasuk cuti kelepasan gantian.*

*\*Maksimum **dua (2) orang** pelawat termasuk penjaga pada satu masa.*

### 5.2 Unit Rawatan Rapi

#### Isnin - Ahad

- **Sesi 1:** 4.30 tengah hari – 7.00 malam

*Maksimum **satu (1) orang** pelawat pada satu masa.*

## 5.2 Wad Rawatan Khas

- 5.2.1 Lawatan hanya dibenarkan dengan **kelulusan khas** oleh Pegawai Perubatan/Penyelia Jururawat/Ketua Jururawat.
- 5.2.2 Hanya **ibu/bapa atau penjaga yang sah** sahaja dibenarkan untuk melawat pesakit di **NICU, PICU dan SCN**.
- 5.2.3 Pelawat tidak dibenarkan untuk melawat pesakit yang ditempatkan di Wad Penyakit Berjangkit (Isolasi / Pengasingan).

## 5.3 Wad *Postnatal* (wad selepas bersalin)

- 5.3.1 Hanya pasangan dengan dokumen perkahwinan yang diktiraf sah di sisi undang-undang dibenarkan untuk melawat masuk di wad postnatal.

## 6.0 PERATURAN AM PELAWAT

### 6.1 Pendaftaran & Akses

- 6.1.1 Semua pelawat wajib **mendaftar di kaunter keselamatan** dan mendapatkan **Pas Lawatan** yang sah.
- 6.1.2 Pelawat diwajibkan untuk memakai pas pelawat yang diberikan sepanjang berada di kawasan wad.
- 6.1.3 Pelawat hanya dibenarkan melawat **di kawasan yang ditetapkan** dan dilarang memasuki kawasan larangan tanpa kebenaran rasmi.
- 6.1.4 Pas Lawatan hendaklah dipulangkan kepada Petugas Keselamatan yang bertugas sejeurus selepas selesai sesi lawatan.

### 6.2 Peraturan Pelawat

- 6.2.1 Berpenampilan sopan bersesuaian mengikut etika pemakaian yang diguna pakai di fasiliti kesihatan.

- 6.2.2 Menjaga **tatasusila dan kelakuan** sepanjang tempoh lawatan.
- 6.2.3 Tidak membuat **bising, ketawa keterlaluan, atau berbual secara kuat** di dalam kawasan wad sehingga mengganggu pesakit dan petugas kesihatan.
- 6.2.4 Memastikan **masa lawatan tidak melebihi had waktu** yang ditetapkan.
- 6.2.5 Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang bentuk kehilangan atau kerosakan harta benda pelawat.

### 6.3 Larangan

- 6.3.1 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam wad kecuali dengan kebenaran khas.
- 6.3.2 Sebarang bentuk **rakaman gambar atau video tanpa kebenaran** adalah **dilarang sama sekali** di kawasan wad atau di bilik perawatan.
- 6.3.3 Merokok, menghisap vape, membawa alkohol, dadah atau sebarang bahan terlarang adalah dilarang di kawasan hospital.
- 6.3.4 Pelawat **dilarang membawa pesakit keluar dari wad** tanpa kebenaran.
- 6.3.5 Pelawat yang **bergejala** dinasihatkan untuk memakai pelitup muka.
- 6.3.6 Pelawat tidak dibenarkan untuk membawa sebarang bentuk peralatan tajam atau alatan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pesakit.

## 7.0 PERATURAN PELAWAT KHAS

### 7.1 Permohonan Lawatan di Luar Waktu Lawatan Rasmi

- 7.1.1 Semua permintaan lawatan oleh Pelawat Khas hendaklah dimaklumkan kepada **Pengarah Hospital**.
- 7.1.2 Kebenaran khas memasuki wad hanya diberikan berdasarkan pertimbangan dan budi bicara Pengarah Hospital atau wakilnya berdasarkan keperluan dan kesesuaian kondisi pesakit dan kestabilan operasi wad.

### 7.2 Prosedur Ketibaan dan Pergerakan

- 7.2.1 Semua Pelawat Khas diwajibkan **mendaftar secara rasmi** dan perlu diiringi oleh wakil hospital sepanjang lawatan.
- 7.2.2 Tidak dibenarkan membawa rombongan dalam jumlah yang besar melainkan telah mendapat kebenaran daripada Pengarah Hospital.
- 7.2.3 Pihak hospital berhak untuk menghadkan jumlah kemasukan Pelawat Khas pada satu-satu masa lawatan.

### 7.3 Larangan

- 7.3.1 Pelawat Khas turut tertakluk **kepada larangan membuat sebarang bentuk rakaman di dalam wad** tanpa kebenaran.
- 7.3.2 Tiada sebarang bentuk penganjuran aktiviti / majlis yang boleh menjejaskan pengoperasian wad ketika lawatan ke atas pesakit.
- 7.3.3 Sebarang bentuk kenyataan awam atau sidang media **tidak boleh diadakan di kawasan wad atau di kawasan perawatan pesakit**.

## **8.0 PELAWAT BAGI KES KECEMASAN / KEMATIAN (DI LUAR WAKTU LAWATAN RASMI)**

- 8.1 Pelawat bagi kes kritikal termasuk pengesahan kematian dibenarkan untuk memasuki wad pada bila-bila masa dengan **kebenaran** oleh Pegawai Perubatan yang bertugas.
- 8.2 Bilangan pelawat dihadkan kepada **ahli keluarga terdekat sahaja** dan perlu dikawal oleh petugas keselamatan dan jururawat.
- 8.3 Tempoh lawatan tidak melebihi **15 minit pada satu masa** kecuali diarahkan sebaliknya atas budi bicara Pegawai Perubatan / Penyelia Jururawat / Ketua Jururawat.

## **9.0 PENGUATKUASAAN**

- 9.1 Mana-mana pelawat yang didapati melanggar peraturan dalam polisi ini boleh diarahkan untuk keluar daripada kawasan wad.
- 9.2 Pihak hospital berhak menghubungi pihak polis sekiranya pelawat didapati memberi ancaman atau menggugat keselamatan.

## **10.0 RUJUKAN**

Polisi dalaman ini dibangunkan dengan merujuk kepada *General Hospital Operational Policy (Third Edition 2025)*

## **11.0 PENUTUP**

Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru sentiasa komited dalam menyediakan persekitaran penjagaan kesihatan yang selamat, mesra pesakit dan profesional. Pihak hospital amat menghargai kehadiran pelawat sebagai sumber sokongan emosi dan moral yang penting kepada pesakit sepanjang tempoh rawatan.

Justeru, bagi mengekalkan keselesaan semua pihak, pematuhan terhadap garis panduan dan peraturan yang digariskan dalam polisi ini adalah **diwajibkan** bagi mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan pesakit dan pelawat.

---

**DISEDIAKAN OLEH:**



**(MUHAMMAD ZULHILMI BIN MOHD JALIL)**

Ketua Unit


Unit Komunikasi Korporat

Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

Tarikh:

19/8/2025

**DISEMAK OLEH:**



**(PRAMILA A/P JEYARAMACHANDRAM)**

Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan)

Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

Tarikh:

19 AUG 2025

**DIPERAKU OLEH:**



**(DR. MOHAMAD NIZAM BIN HJ SUBAHIR)**

Pengarah

Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru

Tarikh:

19 AUG 2025

*Sebarang pertanyaan lanjut berhubung polisi ini boleh dikemukakan secara rasmi kepada Unit Komunikasi Korporat, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru menerusi emel ke **ukkhsajb@moh.gov.my**.*